

going the distance together



24-31 Jalan Setiawangsa 8
Taman Setiawangsa
54200 Kuala Lumpur
PO Box 12378
50776 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: 03-4259 7600
Fax: 03-4259 7500

www.islpn.com.my

ISLAND & PENINSULAR BERHAD
[5268-K]



ISLAND & PENINSULAR BERHAD
[5268-K]

A celebration - the nation's 50th year of independence and I&P's continual growth

The I&P Group
has grown
over the
decades,
contributing
towards the
nation's
development
while
capitalising
on its
progress.
We celebrate
having gone
the distance
together and
now look
forward to
a prosperous
future.

Satu perayaan - Kemerdekaan
negara yang ke-50 dan
kelangsungan pertumbuhan
I&P. Kumpulan I&P telah
berkembang maju dari dekad
ke dekad dan menyumbang
terhadap pembangunan
negara. Kita meraikan
perjuangan yang dilalui
bersama untuk menikmati
masa depan yang makmur
sejahtera.

1957
Malaysia announced
its independence
Malaysia meraih
kemerdekaan.

1963
Island & Peninsular Development
Berhad was incorporated.
Island & Peninsular Development
Berhad diperbadankan.



To the nation, the communities we built and all at I&P.

laporan tahunan 2007 annual report

Historical pictures on the cover,
pages 4 and 58 are courtesy of
Arkib Negara Malaysia.

Gambar -gambar bersejarah
di muka kulit depan, muka surat 4
dan 58 adalah dengan ihsan Arkib
Negara Malaysia.



contents

report

- 06 5-year group performance highlights
- 08 Chairman's Statement
- 13 Group Managing Director's Review
- 20 Operations Review
- 29 Corporate Social Responsibility

corporate

- 34 Corporate Information
- 35 Corporate Structure
- 36 Corporate Directory
- 37 Organisational Structure
- 38 Board of Directors
- 47 Senior Management
- 54 Corporate Calendar

governance

- 61 Corporate Governance Statement
- 84 Audit Committee Report
- 90 Statement of Internal Control

financials

- 96 Directors' Report
- 102 Statement By Directors
- 102 Statutory Declaration
- 103 Report of The Auditors
- 104 Balance Sheet
- 106 Income Statement
- 107 Consolidated Statements of Changes in Equity
- 110 Cash Flow Statement
- 112 Notes to the Financial Statements
- 244 List of Properties
- 258 Shareholdings Statistics

annual general meeting

- 262 Notice Of Meeting
- 266 Statement Accompanying Notice of AGM

- 269 Proxy Form

kandungan

laporan

- 06 Maklumat kewangan kumpulan untuk 5 tahun
- 08 Penyata Pengerusi
- 13 Penyata Pengarah Urusan Kumpulan
- 20 Tinjauan Operasi
- 29 Tanggungjawab Sosial Korporat

korporat

- 34 Maklumat Korporat
- 35 Struktur Korporat
- 36 Panduan Korporat
- 37 Struktur Organisasi
- 38 Lembaga Pengarah
- 47 Pengurusan Kanan
- 54 Kalendar Korporat

urus tadbir

- 61 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 84 Laporan Jawatankuasa Audit
- 90 Penyata Kawalan Dalaman

kewangan

- 170 Laporan Para Pengarah
- 176 Penyata Para Pengarah
- 176 Akuan Berkanun
- 177 Laporan Juruaudit
- 178 Kunci Kira-Kira
- 180 Penyata Pendapatan
- 181 Penyata Perubahan dalam Ekuiti Disatukan
- 184 Penyata Aliran Tunai
- 186 Nota-nota kepada Penyata Kewangan
- 244 Senarai Hartanah
- 258 Perangkaan Pegangan Saham

mesyuarat agung tahunan

- 264 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 266 Penyata Bersama Notis Mesyuarat Agung Tahunan

- 271 Borang Proksi

remembering where we came from is knowing who we are

Who or what we are is the culmination of past experiences and achievements. We are the outcome of our history - whether as a nation, a community, a corporation or an individual. Our self-esteem lies in knowing and appreciating that history.

Mengingati asal usul kita bererti mengenali siapa diri kita. Siapa kita adalah kemuncak pengalaman dan kejayaan kita. Hakikatnya, kita adalah natijah daripada perkembangan sejarah kita - sama ada sebagai sebuah negara, masyarakat, syarikat atau individu. Pengetahuan dan penghargaan kita terhadap sejarah itu melambangkan maruah kita.



1961 - 1965

In the Second Malayan Five Year Plan, the government increased its funding for land development schemes infrastructure and social services in order to provide facilities and opportunities for the rural population to improve its level of economic and social wellbeing.

Dalam Rancangan Lima Tahun Malaya yang Kedua, kerajaan telah menambah pembiayaan untuk infrastruktur skim pembangunan tanah dan khidmat kemasyarakatan bagi menyediakan kemudahan dan peluang kepada penduduk luar bandar meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial mereka.





our vision
to be the developer of
choice, committed to
delivering value to our
customers.

visi kami
untuk menjadi pemaju
terunggul, yang
bertanggungjawab
menyediakan nilai terbaik
kepada pelanggan.

1964
I&P was listed on Bursa Saham
Kuala Lumpur
I&P disenaraikan di Bursa Saham
Kuala Lumpur


1964
I&P launched first project Taman
Bunga Raya in Sg. Petani, Kedah.
I&P melancarkan projek pertamanya
Taman Bunga Raya di Sg. Petani, Kedah.




5-year group performance highlights
Maklumat kewangan kumpulan untuk 5 tahun

RM Million	RM Juta	2007	2006	2005	2004	2003
Turnover	Perolehan	738.2	574.1	541.1	555.1	490.7
Profit before taxation	Keuntungan sebelum cukai	173.4	159.9	676.0	165.7	111.0
Profit attributable to shareholders	Keuntungan boleh dibahagikan kepada pemegang saham	77.7	93.4	620.3	105.8	39.6
Dividends – net	Dividen – bersih	42.3	18.0	38.1	46.9	16.8
Total assets employed	Jumlah aset digunakan	4,100.7	4,117.2	5,434.2	2,038.7	1,871.0
Shareholders' funds	Dana pemegang saham	2,377.0	2,181.6	3,353.6	1,127.5	789.4
Sen	Sen					
Earnings per share (basic)	Pendapatan sesaham (asas)	9.3	11.2	131.2	32.4	17.0
Million	Juta					
Weighted average number of shares in issue during the year	Bilangan purata wajaran saham dalam terbitan sepanjang tahun	833.7	832.9	472.7	326.7	234.0
RM	RM					
Net tangible assets per share	Aset ketara bersih sesaham	2.8	2.8	4.2	3.5	3.4
Market price of shares – Highest	Harga pasaran saham – Tertinggi	1.46	1.58	6.05	4.78	2.73
– Lowest	– Terendah	1.32	1.31	4.22	1.99	1.90
%	%					
Gross dividend per share	Dividen kasar sesaham	8	7	5	20	14
Times	Kali					
Dividend cover	Lindungan dividen	1.8	5.2	16.3	2.3	2.4


turnover RM million
perolehan RM juta



shareholder's funds RM million
dana pemegang saham RM juta



profit before taxation RM million
keuntungan sebelum cukai RM juta



net tangible assets per share RM
aset ketara bersih sesaham RM



gross dividend per share %
dividen kasar sesaham %



earnings per share sen
pendapatan sesaham sen



Chairman's Statement

Dear fellow shareholders,
On behalf of the Board, I am pleased to present the Annual Report and Financial Statements of Island & Peninsular Berhad (I&P) for the year ended 31 January 2007.

A milestone is being achieved in 2007 – Malaysia celebrates 50 years of independent nationhood. And there are many aspects of this milestone that we should all be proud of – the peaceful manner in which our early leaders, led by 'Bapa Malaysia' Tunku Abdul Rahman, were able to obtain our independence; the commitment and dedication of subsequent leaders in steering our country through challenging times; the pragmatic collaboration between the government and businesses in growing the Malaysian economy.

The results speak for themselves. The nation has succeeded in overcoming various setbacks, one of the most eventful being the Asian financial crisis of the late 1990s, to emerge as a more diversified and broad-based economy. Malaysia is now in its Ninth Malaysia Plan (9MP) and well on its way towards realising Vision 2020. The country's resilience was seen in its achievement of a healthy growth rate of 5.8 percent for the year 2006, in a global environment marked by high crude oil prices, inflationary pressures and monetary tightening.

The implementation of the 9MP is expected to boost the building sector as projects under the Plan come onstream. In the meantime, in 2006, the Malaysian residential property market continued to be very competitive, with potential buyers having an array of house models to choose from, particularly in the mid-range market of properties priced below RM300,000. These buyers could therefore afford to take their time in deciding on their purchase. The supply of high-end properties priced RM500,000 and above in Kuala Lumpur and its surrounding areas have been comparatively limited and developers of such properties have been experiencing much interest in their products. The scenario in 2007 is expected to be the same.

At I&P, we succeeded in sustaining our performance in such an environment, largely due to our more than four decades of experience as a developer of townships, our well-earned reputation as a builder of quality homes set in good and accessible locations, and the wide range of designs offered to potential buyers. We have taken our commitment

Penyata Pengerusi

Para pemegang saham,
Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Island & Peninsular Berhad (I&P) bagi tahun berakhir 31 Januari 2007.

Tahun 2007 mencatatkan satu lagi kejayaan sejarah – Malaysia meraikan ulangtahun kemerdekaannya yang ke-50. Di sebalik kejayaan ini terlipat banyak peristiwa yang membanggakan kita sebagai rakyat Malaysia – bagaimana pemimpin-pemimpin negara kita yang diterajui oleh 'Bapa Malaysia' Tunku Abdul Rahman, berjuang secara aman untuk memperolehi kemerdekaan, dan didukung terus oleh pemimpin-pemimpin kemudian dengan penuh komitmen dan tekad untuk mengemudikan negara mengharungi cabaran melalui gembleran pragmatik antara kerajaan dan perniagaan dalam memajukan ekonomi Malaysia sehingga hari ini.

Hasil perjuangan ini telah jelas terbukti. Negara kita telah berjaya menempuhi pelbagai rintangan, antaranya yang paling getir ialah krisis kewangan Asia pada lewat 1990an, dan muncul sebagai sebuah ekonomi yang berpelbagaian asas. Kini kita sudah ke membangun hingga ke tahap Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan semakin dekat dalam merealisasikan matlamat Visi 2020 negara. Kemampuan ekonomi negara terbukti dengan pencapaian kadar pertumbuhan 5.8 peratus bagi 2006 walaupun dalam sekitaran global yang mengalami tekanan inflasi, kekangan kewangan dan kenaikan harga minyak mentah.

RMK9 telah mengenal pasti banyak projek pembangunan yang perlu disiapkan, lantas pelaksanaannya kelak dijangka merangsang sektor pembinaan. Pada 2006, pasaran hartanah kediaman di Malaysia menghadapi saingan hebat yang memberi bakal pembeli pelbagai pilihan model rumah, terutamanya dalam lingkungan harga bawah RM300,000. Oleh demikian, golongan pembeli ini tidak perlu membuat keputusan terburu-buru untuk membeli rumah. Sebaliknya pula, bekalan hartanah berharga lebih RM500,000 di Kuala Lumpur dan kawasan sekitaran agak terhad dan para pemaju banyak menerima pertanyaan daripada pembeli yang berminat. Senario ini dijangka tidak berubah pada 2007.

Namun di I&P, kami masih dapat mengekalkan prestasi pada tahun 2006 berkat pengalaman dan reputasi syarikat selama empat dekad sebagai pemaju perbandaran dan



B



Setiawangsa Business Park

towards home-buyers to another level during this fiscal year in our new township of Alam Impian, which is dedicated to providing residents with a unique lifestyle centring around artistic pursuits and endeavours. On a broader scale, Alam Impian is our contribution towards the achievement of a balanced and quality life for Malaysians, one that should be nurtured in tandem with the progress of Malaysia towards the status of a fully developed nation.

As we move forward, we will maintain our emphasis on building our brand and increasing returns for our shareholders. We will respond to the needs of the market with strategies that aim at greater innovation in product designs and better ambience in the physical infrastructure. We will also work towards increasing our visibility in the market through our conceptual approach in developing our properties.

For helping I&P to come this far, I wish to thank my fellow board members for their support and advice. My appreciation goes to the management and staff, whose dedication and professionalism have made I&P one of the country's top property developers. Last but not least, my thanks go to our many stakeholders – government agencies, shareholders, business partners, bankers and financiers. Most importantly, I am thankful to our thousands of home buyers who have shown their confidence in our towns and houses.

Tan Sri Dato' Haji Mohd Zuki Haji Kamaluddin
Chairman

rumah kediaman berkualiti dengan pelbagai pilihan reka bentuk di lokasi yang strategik. Pada tahun fiskal ini kami telah membuktikan komitmen untuk pertingkatkan tahap kepuasan para pembeli dengan pembangunan perbandaran baru kami di Alam Impian, yang didedikasikan khusus untuk mereka yang inginkan keunggulan gaya hidup berlatarkan seni. Dari perspektif yang lebih luas, Alam Impian adalah sumbangan kami terhadap pencapaian hidup rakyat Malaysia yang seimbang serta berkualiti – satu cara hidup yang dipupuk dengan nilai-nilai murni yang melambangkan tahap kemajuan Malaysia ke arah mencapai status negara maju.

Dalam kami melangkah maju, kami akan berusaha terus memantapkan jenama kami dan meningkatkan hasil pulangan untuk para pemegang saham. Kami juga akan memenuhi keperluan pasaran dengan strategi yang menjurus kepada peningkatan inovasi reka cipta produk dan melestarikan keharmonian suasana infrastruktur. Kita juga akan menyerlahkan penonjolan imej di pasaran melalui pendekatan berasaskan konsep dalam pembangunan hartanah kami.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan pengarah atas sokongan dan nasihat mereka memajukan I&P ke tahapnya hari ini. Tidak lupa penghargaan saya kepada pengurusan dan kakitangan yang telah berusaha dengan profesional dan penuh dedikasi untuk menjadikan I&P antara pemaju hartanah yang terulung di Malaysia. Akhir kata, ucapan terima kasih saya kepada semua pihak yang berkepentingan – agensi kerajaan, pemegang saham, rakan kongsi, pengurus bank dan pembiaya. Paling penting, saya berterima kasih kepada ribuan pembeli yang telah memberi keyakinan terhadap rumah dan perbandaran kami.

Tan Sri Dato' Haji Mohd Zuki Haji Kamaluddin
Pengerusi



Alam Damai, Cheras

Group Managing Director's Review

Malaysia celebrates its 50th year of independence in 2007. The nation has prospered over the decades to become one of the more dynamic and forward-looking countries in the region. The Island & Peninsular (I&P) Group, with its beginnings in 1963, has been very much part of Malaysia's push towards development – contributing to the nation's steady growth and proving itself to be a valuable player as it builds homes for Malaysians from all walks of life.

Like Malaysia, I&P has also had an eventful history, which has culminated into an organisation with a rationalised structure and unified branding. We are now considered one of the largest property developers in the country in terms of our land bank. In the process, we have been providing opportunities for various trades, businesses and professions within our industry. Town planners, architects, engineers, contractors, suppliers and lawyers have been amongst those benefiting through their association with our projects.

the market in 2006

Some concern over rising interest rates had generally dampened demand for residential homes in Malaysia in 2006. Construction costs have increased due to a rise in the cost of building materials and the price of petrol. Developers were more cautious during the year under review, with some delaying their launches or placing fewer units on the market. Nonetheless, properties at prime locations enjoyed strong growth, thanks to support from local and foreign buyers, and the Malaysian Annual House Price Index rose by 1.4 percent to RM163,559 for the second quarter of 2006.

our figures

At I&P, we have done reasonably well to continue achieving sales in our established developments during the financial year ended 31 January 2007. We also launched two new townships, namely Alam Impian in Shah Alam and Bayuemas in Klang, sold some of our land bank and intensified our asset management projects. These have resulted in a satisfactory financial performance for the Group with revenue of RM745.0 million, an increase of RM170.9 million or 29.8 percent from RM574.1 million posted in 2006.

Penyata Pengarah Urusan Kumpulan

Malaysia menyambut ulangtahun kemerdekaan yang ke-50 pada tahun 2007. Dari dekad ke dekad negara telah berkembang maju dan makmur sehingga menyerlah sebagai salah sebuah negara yang dinamik dan berwawasan di rantau ini. Begitulah juga dengan Kumpulan Island & Peninsular (I&P), yang sejak ditubuhkan pada 1963, adalah salah satu bukti pembangunan pesat Malaysia – turut menyumbang kepada kemajuan negara dan sekali gus membuktikan keunggulannya menyediakan rumah kediaman untuk keselesaan hidup segenap lapisan warga Malaysia.

Seperti Malaysia, I&P juga telah melalui pelbagai peristiwa bersejarah yang telah mengajar dan menggilapnya sehingga menjadi sebuah organisasi yang bertunjangkan struktur mantap dan penjenamaan yang bersepadu. Kini, I&P telah menempa nama sebagai salah satu pemaju hartanah terbesar dari segi saiz harta tanah miliknya. Di samping itu juga, kita telah membuka pelbagai peluang perdagangan, perniagaan dan khidmat profesional dalam industri pembinaan. Ramai di kalangan perancang bandar, arkitek, jurutera, kontraktor, pembekal dan peguam yang telah mendapat manfaat melalui perkongsian usaha dalam projek-projek kita.

pasaran 2006

Kebimbangan terhadap kenaikan kadar faedah telah sedikit sebanyak menjejaskan permintaan rumah kediaman di Malaysia pada tahun lalu. Kegiatan pembinaan agak lembap juga disebabkan oleh kenaikan harga petrol dan kos bahan binaan. Sepanjang tahun 2006, para pemaju lebih berhati-hati sama ada dengan melengahkan pelancaran projek baru atau mengurangkan jumlah unit di pasaran. Namun demikian, hartanah di lokasi pilihan tetap laris kerana mendapat sambutan daripada pembeli tempatan dan asing. Bagi suku kedua 2006, Indeks Tahunan Harga Rumah Malaysia meningkat 1.4 peratus kepada RM163,559.

perangkaan kami

I&P terus mencatat jualan yang memberangsangkan di kawasan pembangunan utama pada sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Januari 2007. Kami telah melancarkan dua kawasan perbandaran baru, iaitu Alam Impian di Shah Alam dan Bayuemas di Klang, menjual sebahagian daripada harta tanah di samping menggiatkan projek pengurusan aset. Inisiatif ini telah meningkatkan prestasi kewangan Kumpulan dengan menjana hasil RM745.0 juta, peningkatan sebanyak RM170.9 juta atau 29.8 peratus daripada RM574.1 juta yang dicatatkan pada 2006.

dedicated to arts and culture

I am especially pleased with Alam Impian, which was launched in December 2006. This new township is based on a theme close to my personal vision of conserving our arts and culture within the community. At this half-century point of Malaysia's independence and as we move forward towards becoming a fully developed nation, I believe it is even more critical that we do not leave behind our precious heritage. At I&P, we are consciously working towards incorporating elements of our arts and culture into the environment we build. There will be spaces for street art and events will be organised to promote the artistic spirit.

In addition, we aim to provide an avenue for community participation through an art residency programme. Artists in this programme will interact with the town's residents and share their experiences through workshops. Other than bricks and mortar, I hope that I&P will be recognised for this attention to the finer aspects of living.

Alam Impian, the "Township of the Arts", will have exciting features that will include an artistic entrance, a 31-acre park to showcase artistic endeavours and an Arts Residence. We aim to develop this 1,235-acre freehold township into a haven of arts and cultural activities. Response to the first phase of semi-detached and terraced houses has been good, which, I believe, has been due to Alam Impian's unique emphasis on the arts as well as its great location in Shah Alam, Selangor. Buyer interest is expected to increase further when the construction of the LKSA highway commences in 2007. Leading into the township, this highway will greatly enhance accessibility to Alam Impian.

Another new township launched during fiscal year 2006 was Bayuemas in Klang, Selangor. A total of 2,809 units of houses has been planned on this 545-acre freehold land, which will showcase homes and an environment with heritage elements and old Malayan architectural features. Thus, our tagline of 'The New Straits Settlements' for this community of tree-lined streets, pedestrian walkways, carefully landscaped green belts, dedicated parks and water bodies. Bayuemas will also have a central sport and recreational park to complement neighbourhood squares, making it truly a garden city.

dedikasi seni dan budaya

Saya benar-benar teruja dengan projek Alam Impian, yang dilancarkan pada Disember tahun lalu. Perbandaran baru ini berilhamkan tema yang sememangnya ada keserasian dengan visi peribadi saya untuk mengekalkan ciri-ciri seni dan budaya dalam sekitar kejiranan. Setelah meraikan kemerdekaan Malaysia selama setengah abad dan dalam keghairahan mencapai taraf negara maju, saya rasa kita perlu lebih kritikal agar warisan seni dan budaya bangsa tidak terpinggir dan terus terabai dan akhirnya dilupakan. Kami di I&P sentiasa prihatin dan cuba menerapkan elemen-elemen seni dan budaya dalam persekitaran yang kami bangunkan. Yang pasti kami akan menyediakan ruang-ruang untuk mempromosikan seni jalanan dan menganjurkan acara-acara untuk memupuk semangat menghayati seni dan budaya negara.

Sehubungan itu, kami juga berhasrat untuk menyediakan ruang penglibatan komuniti melalui program 'kediaman seni'. Para artis yang diundang dalam program ini akan berinteraksi dengan penduduk perbandaran dan berkongsi pengalaman mereka melalui bengkel yang dianjurkan. Kami tidak mahu sekadar dikenali sebagai syarikat pembinaan tradisional tetapi juga sebagai warga korporat yang menitikberatkan kesantunan dan kesejahteraan hidup.

Alam Impian, "*Township of the Arts*", mempunyai ciri-ciri yang termasuk pintu laluan artistik, taman seluas 31 ekar bagi mempamerkan hasil usaha seni dan sebuah 'Kediaman Seni'. Kami berhasrat membangunkan perbandaran seluas 1,235-ekar pegangan bebas ini menjadi sebuah pusat giat seni dan budaya. Sambutan fasa pertama yang terdiri daripada rumah berkembar dan teres amat menggalakkan, dan saya yakin tarikan ini adalah disebabkan oleh keunikan konsep seni dan keunggulan lokasinya di Shah Alam, Selangor. Minat pembeli dijangka meningkat bila pembinaan Lebuhraya Kemuning Shah Alam (LKSA), bermula pada 2007 dan bila siap kelak akan memudahkan laluan masuk ke Alam Impian.

Sebuah lagi perbandaran baru yang telah dilancarkan dalam tahun fiskal 2006 ialah Bayuemas di Klang, Selangor. Sejumlah 2,809 unit rumah telah dirancang di tapak seluas 545 ekar pegangan bebas yang akan menampilkan konsep kediaman dan persekitaran yang menerapkan ciri-ciri warisan seni bina Tanah Melayu lama. Justeru kami memberikannya jolokan 'The New Straits Settlements' yang menggambarkan sebuah perbandaran yang dibarisi jalan serta laluan pejalan kaki berpokok, alun-an lanskap

delivering value and quality

At I&P, we are guided by a mission to provide homes of good value and quality, not only in our recent developments but also in ongoing projects. The launch of several new phases and introduction of more facilities have ensured that these projects continue to progress well. New and upgraded roads, parks, lakes and other amenities have invigorated our existing townships, enhancing the day-to-day activities of the people living in them.

Our 638-acre Alam Damai in Cheras, Kuala Lumpur, succeeded in delivering 86 semi-detached units to home owners ahead of schedule on 14 March 2006. This is consistent with the overall delivery performance of our projects, a factor that helps us in attracting buyers. Since its launch in May 1998, Alam Damai has sold 2,591 units with a GDV of RM635.0 million. Our total target for the township is 4,695 houses with a GDV of over RM1.0 billion. We launched our last batch of two-storey terrace houses in September 2006, after which we will be focusing on the development of condominiums and commercial shop offices.

The Bandar Kinrara township has undergone a major makeover in recent years, including upgrading the entrance statement, introducing more creative designs for its newer house launches and developing a linear park. Begun in 1991, Bandar Kinrara still has 611 out of 1,904 acres to be developed. We are working towards further raising the township's profile, leveraging on benefits such as its multiple accessibility.

Early in the last fiscal year, we launched Seri Beringin, a 41.2 acre freehold development in the highly desirable upmarket area of Bukit Damansara, Kuala Lumpur. Two-thirds of the bungalow lots have since been sold and we will be opening up the remaining lots gradually over the next two years. As at the time of writing, semi-detached houses that were recently put on the market have all been sold.

We continued to launch new units as well in Alam Sutera in Bukit Jalil and Kota Seriemas in Nilai, which were well received. At Taman Setiawangsa in Kuala Lumpur, the last phase of double-storey terrace houses, known as Tiara, met with overwhelming response from the public. These houses were sold out within months of their launch, another testament to the confidence that buyers have in our capability to provide them with homes of which they can be proud.

menghijau, taman bertema dan terusan air. Bayuemas juga akan mempunyai sebuah pusat taman rekreasi dan sukan bagi melengkapi dataran kejiranan ini sebagai sebuah bandar dalam taman.

kepuasan nilai dan kualiti

Di I&P, kami berpandukan misi untuk menyediakan kediaman berkualiti dan bernilai tinggi bukan sahaja dalam pembangunan baru bahkan untuk projek yang sedang dalam pembinaan. Pelancaran beberapa fasa baru dan penambahan kemudahan bertujuan memastikan perkembangan projek berjalan lancar. Taman perumahan dan perbandaran yang sedia juga diperlengkap lagi dengan menambah atau menaik taraf jalan, taman, tasik dan lain-lain kemudahan untuk kemanfaatan aktiviti harian penghuni kawasan tersebut.

Projek Alam Damai seluas 638 ekar di Cheras, Kuala Lumpur, telah berjaya menyerahkan 86 unit rumah berkembar kepada pemiliknya pada 14 Mac 2006, iaitu lebih awal daripada tarikh dijadual siap. Pada keseluruhan, ini adalah konsisten dengan prestasi penyerahan projek kami, faktor penting yang membantu kami menarik para pembeli. Semenjak pelancarannya pada Mei 1998, Alam Damai telah mencatat jualan sebanyak 2,256 units dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM537.0 juta. Jumlah sasaran kami bagi perbandaran ini ialah 4,695 unit rumah dengan GDV melebihi RM1.0 bilion. Pada September 2006, fasa akhir rumah teres dua tingkat telah dilancarkan, dan selepas itu kami akan menumpukan kepada pembangunan kondominium.

Bandar Kinrara telah mengalami perubahan besar beberapa tahun kebelakangan ini, termasuk menaiktarafkan jalan masuk, reka bentuk rumah lebih kreatif bagi pelancaran fasa barunya dan penyiapan taman baru. Bermula pada 1991, Bandar Kinrara masih mempunyai 611 ekar daripada 1,904 ekar tanah untuk dibangunkan. Usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan lagi profil bandar ini dengan menonjolkan kelebihan pembaharuan seperti kemudahan jalan masuk berbilang.

Pada awal tahun fiskal lalu, kami telah melancarkan Seri Beringin, pembangunan seluas 41.2 ekar pegangan bebas di kawasan permintaan tinggi Bukit Damansara, Kuala Lumpur. Dua pertiga daripada lot banglo telah dijual dan kami akan menawarkan lot-lot baki secara beransur-ansur dalam tempoh dua tahun. Ketika laporan ini disiapkan, rumah berkembar yang ditawarkan di pasaran juga telah habis dijual.



Alam Damai, Cheras



our other businesses

The Group's asset management projects have been providing us with steady rental income. Our rental properties include the TESCO hypermarket in Saujana Impian, Kajang, Puteri Nursing College in Kota Seriemas, Desa Damansara luxury condominiums, Plaza Damansara, Setia 1 office block and Bangunan SPPK. To expand our recurrent income base, we will built a gated development consisting of bungalows and semi-detached houses in Seri Beringin for rental. These houses, set within a guarded environment, will be ready by September 2007. We are also looking at other means of securing long leases within our current projects.

Our total land bank, after the rationalisation exercise, stood at about 14,969.68 acres. Other than the projects already underway, further development of this land bank will depend on market needs and conditions. Therefore, to unlock value, we have maintained our strategy of selling some parcels of land to other developers.

showing that we care

Being a key player in the property development industry, we are mindful of the importance of integrating social and environmental concerns into our business operations. It is a way of giving back to the wider community for the support that we continue to receive from our stakeholders, particularly the public, which has helped to sustain us through the decades.

We are showing that we care as a corporate citizen through our focus on environmental features in our development projects. We do not just build houses and shops; we create communities in which people are happy to live. Thus, we strive to enhance the environment of these communities with parks, landscaped gardens, play areas and water bodies. At our newly launched Alam Impian township, we will be going further by bringing the residents together through community-centred arts and cultural facilities and activities.

The education of children from low-income families is an issue that is close to our hearts. The I&P Group is one of the Government-linked companies committed to a programme called PINTAR, through which we have adopted two primary schools for a three-year period in Penang, namely Sekolah Kebangsaan Sungai Nibong and Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor. The PINTAR programme aims to raise an awareness amongst students from low-income families that they are able to improve their lives by performing well in school and beyond. The urgent needs of the schools have been

I&P akan terus melancarkan unit-unit baru di Alam Sutera, Bukit Jalil dan Kota Seriemas di Nilai, yang kedua-duanya mendapat sambutan menggalakkan. Di Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur, fasa akhir rumah teres dua tingkat yang dikenali sebagai Tiara, juga mendapat sambutan memberangsangkan. Kesemua unit rumah ini habis dijual dalam tempoh beberapa bulan selepas pelancaran, satu lagi bukti keyakinan pembeli terhadap keupayaan syarikat menyediakan rumah idaman yang akan menjadi kebanggaan mereka.

lain-lain perniagaan

Projek-projek pengurusan aset Kumpulan telah menyumbang pendapatan sewa yang berterusan. Hartanah sewa termasuk pasaraya TESCO di Saujana Impian, Kajang, Kolej Kejururawatan di Kota Seriemas, kondominium mewah Desa Damansara, Plaza Damansara, blok pejabat Setia 1 dan Bangunan SPPK. Bagi meluaskan lagi asas pendapatan berulang, kami mengekalkan beberapa unit banglo dan rumah berkembar di Seri Beringin untuk sewa pajak. Rumah-rumah dalam persekitaran berkawal ini, dijangka siap pada September 2007. Bagi projek-projek sedia ada, kami juga meninjau kaedah-kaedah lain untuk mendapatkan tempoh sewa pajak yang lebih panjang.

Setelah selesai pelaksanaan rasionalisasi syarikat, simpanan tanah kami dianggarkan lebih kurang 14,969.68 ekar. Selain daripada projek dalam pelaksanaan, pembangunan tanah simpanan ini akan tertakluk kepada keperluan dan keadaan pasaran. Oleh itu, bagi tujuan memanfaatkan nilainya, kami telah mengekalkan strategi menjual beberapa lot tanah kepada pemaju-pemaju lain.

kami prihatin

Sebagai salah satu syarikat dalam industri pembangunan hartanah, kami sentiasa sedar betapa pentingnya integrasi sosial dan persekitaran dalam operasi perniagaan syarikat. Inilah cara kami membalas jasa baik masyarakat sekeliling atas sokongan yang kami terima daripada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam syarikat, terutamanya kepada orang awam yang telah setia menyokong kami selama ini.

Kami membuktikan tanggungjawab sebagai warga korporat melalui tumpuan kami terhadap ciri-ciri alam sekitar dalam projek pembangunan kami. Kami bukan sekadar membina rumah dan kedai, tapi membangunkan komuniti yang memberi keselesaan dan kebahagiaan hidup kepada penghuninya. Oleh demikian, kami bertekad untuk melestarikan sekitaran kehidupan komuniti ini dengan taman berlanskap, laman

identified and so far we have purchased books for the schools and will soon be financially assisting students in the payment of their school and tuition fees. We will also be funding some of the schools' other programmes.

Our social responsibility extends also to the I&P family, that is, our employees. We run a nursery for the young children of our employees that is staffed full-time by a supervisor, who is assisted by assistants and aides as well as a cook and cleaner. To help our employees stay fit and healthy, we encourage them to participate in the many activities organised by I&P's sports and recreational club. The spiritual aspects are not forgotten through religious classes and programmes. Such endeavours not only help in developing satisfied employees but also in fostering happy Malaysians.

moving forward

Besides a landmark anniversary, Malaysians will have much to celebrate in 2007. The economy is set to improve further, with a forecasted GDP of 6.0 percent, compared to 5.8 percent in 2006. The local stock market is expected to be on an uptrend through the year. Implementation of the Ninth Malaysia Plan is underway and as Malaysia proceeds on its growth path, its increasingly affluent population will be requiring homes. At I&P, we are well positioned to continue playing our part in this regard – not just building houses but creating townships that are well thought out, providing environments that are conducive to good living, and promoting a lifestyle within the communities that reflect a progressive nation.

Riding on this positive outlook, we will be introducing another new township in the near future – Alam Sari in Bangi. A freehold development in the vicinity of a number of training and education as well as research centres, Alam Sari will house a total of 3,562 units of homes on 432.5 acres upon completion. The project is set to raise the lifestyle profile of the Bangi area.

The market will be more competitive and we are mindful that, to stay ahead of the others, we need to capitalise on our strengths. One of these is the wealth of our experience in property development that spans over four decades. Another of our strengths is our reputation for producing well designed and affordable houses of quality that enable our home owners to live the life of their dreams. We have also become known for the added value that we bring to our townships and projects. Easily accessible due

riadah dan terusan air. Di bandar Alam Impian yang baru dilancarkan, kami akan melangkah setapak lagi menyepadukan penduduk melalui kemudahan dan aktiviti seni dan budaya berpusat.

Pendidikan anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah merupakan isu yang dekat di hati kami. Kumpulan I&P adalah antara syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang begitu komited dengan program pendidikan yang kami namakan PINTAR, di mana kami telah mengambil dua sekolah rendah di Pulau Pinang sebagai sekolah angkat selama tiga tahun, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Nibong dan Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor. Program PINTAR bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah bahawa mereka mampu memperbaiki taraf kehidupan dengan meningkatkan prestasi mereka di sekolah dan di peringkat yang lebih tinggi lagi. Keperluan segera sekolah telah dikenal pasti dan setakat ini kami telah membeli buku-buku yang diperlukan sekolah. Dalam masa terdekat ini, kami akan membantu mereka yang memerlukan bantuan kewangan bagi bayaran yuran sekolah dan tuisyen. Kami juga akan membiayai beberapa program lain di sekolah berkenaan.

Tanggungjawab sosial kami juga meliputi keluarga I&P, iaitu kakitangan Kumpulan. Sebuah tabika untuk anak-anak kakitangan disediakan dan dikendalikan oleh seorang penyelia sepenuh masa dengan bantuan beberapa orang pengasuh, termasuk seorang tukang masak serta seorang pencuci. Bagi membantu kakitangan mengekalkan kecergasan dan kesihatan, kami menggalakkan mereka mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh kelab sukan dan rekreasi I&P. Aspek-aspek rohaniah juga ditekankan melalui kelas dan program agama. Segala usaha ini bukan sahaja dapat membina kakitangan yang sihat sejahtera tetapi memupuk keakraban dan kemesraan ke arah melahirkan rakyat Malaysia yang rukun damai.

melangkah maju

Selain meraikan ulangtahun kemerdekaan ke-50 yang bersejarah, banyak sebab lain yang membanggakan rakyat Malaysia pada tahun 2007. Ekonomi negara dijangka terus kukuh dengan unjuran KDNK pada kadar 6.0 peratus berbanding 5.8 peratus tahun lalu. Aliran pasaran saham juga dijangka meningkat pada sepanjang tahun 2007. Dalam kerancangan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9 yang menjana pembangunan dan pendapatan, golongan rakyat Malaysia yang semakin mewah akan memerlukan rumah kediaman. Kami di I&P sentiasa bersedia memenuhi



to their good locations, these developments enjoy carefully landscaped parks and gardens, tranquil lakes, safe pedestrian walkways and jogging tracks, amongst others. In addition, we provide buyers with a wide range of products so that they will be able to find the home that meets their needs.

While we foresee a sustained demand for our houses due to these strengths, we note that buyers now have high expectations and are more sophisticated in their requirements. So we need to consistently strive for improvements, maintain our creativity and innovativeness in satisfying the needs of our customers, and continue to remain relevant to society and the nation. At the same time, recognising always that we need to maintain the fine balance between meeting our own financial objectives and fulfilling the demands of the market.

As we close our financial year as at 31 January 2007 and move forward into the rest of the year, we would like to come together with all Malaysians to ensure another 50 years of prosperity, unity and harmony.

Dato' Ir Jamaludin Osman
Group Managing Director

permintaan ini dan memainkan peranan – bukan sekadar membina rumah malah mewujudkan perbandaran yang terancang dalam persekitaran yang bersesuaian dengan gaya hidup komuniti yang mencerminkan kemajuan negara.

Berdasarkan tinjauan positif ini, kami akan memperkenalkan satu lagi perbandaran baru – Alam Sari di Bangi. Alam Sari merupakan pembangunan tanah pegangan bebas seluas 432.5 ekar di lokasi berhampiran dengan beberapa pusat latihan, pendidikan dan penyelidikan yang akan menempatkan sejumlah 3,562 unit rumah. Projek ini bakal menyerlahkan profil gaya hidup di kawasan Bangi.

Persaingan pasaran hartanah dijangka lebih hebat dan menyedari hakikat ini kami berazam untuk memanfaatkan sepenuhnya kekuatan Kumpulan. Antaranya ialah pengalaman luas kami selama lebih empat dekad. Selain itu, reputasi kami dalam menghasilkan rumah berkualiti dengan rekaan menarik pada harga yang mampu dimiliki. Kami juga terkenal kerana memberi nilai tambahan kepada projek dan perbandaran yang memanfaatkan semua penduduk di kawasan itu. Projek kami terletak di lokasi yang memudahkan akses laluan masuk dan dilengkapi dengan taman lanskap, tasik, laluan pejalan kaki, trek jogging dan pelbagai lagi kemudahan untuk keselesaan penduduk. Yang penting, kami menyediakan para pembeli dengan pilihan luas untuk mencari rumah idaman yang memenuhi cita rasa sekeluarga.

Dalam masa yang sama, kami juga sedari bahawa golongan pembeli hari ini lebih bijak dan cerewet dan mempunyai cita rasa dan keperluan yang amat berlainan. Justeru itu, kami juga perlu sentiasa mencari ilham baru dalam rekaan rumah dan meningkatkan daya kreatif dan inovasi untuk memberi kepuasan kepada pengguna dan sekali gus mengekalkan kedudukan dan meneruskan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara. Hakikatnya kami perlu mengimbangi antara objektif kewangan syarikat dan keperluan memenuhi permintaan pasaran.

Dalam kita melabuhkan tirai tahun kewangan pada 31 Januari 2007 dan meneruskan langkah, marilah kita sama-sama berganding bahu, bersatu sebagai rakyat Malaysia bagi memastikan kemakmuran, perpaduan dan keharmonian ini dapat dikekalkan 50 tahun lagi.

Dato' Ir Jamaludin Osman
Pengarah Urusan Kumpulan

Operations Review – Fiscal Year 2006

The I&P Group is a builder of townships, providing Malaysians with homes of quality and value. With several developments already to our credit, we marked our financial year ended 31 January 2007 with the launching of two new townships and a number of new phases in existing ones. Such activity has had a positive impact on the Group's financial performance, resulting in a profit before tax of RM173.4 million from a total turnover of RM745.0 million for this fiscal year (Fiscal year 2005: profit before tax of RM158.7 million, total turnover of RM574.1 million).

Perumahan Kinrara Berhad (PKB)

PKB's flagship development project is Bandar Kinrara, which was launched in 1991 and is expected to be fully completed by 2014. By then, the town, with a land area of 1,904 acres of which about 611 acres are still to be developed, will have a total of 16,779 units. Sales of terraced houses launched in early 2005 have exceeded 98 percent. In March 2006, 26 units of Gem double-storey semi-detached houses were launched, with almost all units taken up to-date. The Pearl double-storey semi-detached houses, totalling 28, were launched in January 2007 and 22 have been sold thus far.

Concerted efforts are underway to re-brand Bandar Kinrara – the town now enjoys multiple access via highways such as the KESAS Highway and Lebuh Raya Damansara Puchong; the main entrance has been upgraded and modernised; public areas have been enhanced with a landscaped linear park that doubles as a jogging track; the 18-hole public golf course is being complemented by an international-class cricket pitch; and new designs have been introduced for its recent launches. Sensitive to concerns today in regard to security, guardhouse facilities and perimeter fencing, wherever possible, are being offered in current and future launches.

A new project, Bayuemas, was launched by PKB in August 2006. Located in Klang, Selangor, the 545 acre township, with a Gross Development Value (GDV) of RM1.3 billion, will have 2,809 houses. The first batch of homes released comprised bungalow lots and two-storey semi-detached houses. This will be followed by two-storey terraced units. Bayuemas is regarded as the Group's first 'garden city' and, with designs incorporating elements of Old Malaya, the project is being marketed under the tagline "The New Straits Settlements in Klang". The project's plus points include accessibility via the KESAS Highway and Klang-Banting coastal road as well as the proximity of the

Tinjauan Operasi – Tahun Fiskal 2006

Kumpulan I&P merupakan pemaju perbandaran yang menyediakan kediaman berkualiti dan bernilai untuk kesejahteraan rakyat Malaysia. Bersandarkan rekod kejayaan projek-projek pembangunan lalu, kami meneruskan tradisi ini dalam tahun kewangan berakhir 31 Januari 2007 dengan pelancaran dua lagi perbandaran baru dan beberapa fasa baru dalam perbandaran yang sedia ada. Kegiatan ini memberi impak positif kepada prestasi kewangan Kumpulan dengan meraih peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM173.4 juta daripada jumlah perolehan RM745.0 juta bagi tahun fiskal ini (Tahun fiskal 2005: keuntungan sebelum cukai sejumlah RM158.7 juta, jumlah perolehan RM574.1 juta).

Perumahan Kinrara Berhad (PKB)

Projek pembangunan perdana PKB adalah Bandar Kinrara, yang dilancarkan pada 1991. Apabila siap sepenuhnya menjelang 2014, perbandaran seluas 1,904 ekar, yang mana 611 ekar masih dalam pembangunan, akan mempunyai sejumlah 16,779 unit rumah. Penjualan rumah teres yang dilancarkan pada awal 2005 telah melebihi 98 peratus. Pada Mac 2006, 26 unit rumah berkembar dua tingkat Gem telah dilancarkan dan setakat ini hampir semua unit telah terjual. Rumah berkembar dua tingkat Pearl, sebanyak 28 unit, dilancarkan pada Januari 2007 dan setakat ini 22 unit telahpun dijual.

Usaha bersepadu sedang dilaksanakan untuk menjenamakan semula Bandar Kinrara – bandar ini kini mempunyai kemudahan laluan berbilang melalui Lebuh Raya KESAS dan Lebuh Raya Damansara Puchong; jalan masuk utama telah dinaik taraf dengan unsur tarikan moden; tempat-tempat awam diperindahkan dengan taman berlanskap yang boleh digunakan sebagai trek jogging; padang kriket bertaraf antarabangsa melengkap padang golf 18-lubang yang sedia ada; dan reka bentuk baru diperkenalkan bagi pelancaran rumah terkini. Keprihatinan terhadap kebimbangan isu keselamatan, di mana sesuai, kami juga menyediakan kemudahan pondok pengawal dan kawat berpagar, dalam pelancaran baru.

Projek baru, Bayuemas, dilancarkan oleh PKB pada Ogos 2006. Perbandaran seluas 545 ekar di Klang, Selangor, dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM1.3 bilion, akan mempunyai 2,809 unit rumah. Kelompok pertama terdiri daripada lot banglo dan rumah berkembar dua tingkat dan disusuli dengan rumah teres dua tingkat. Bayuemas dianggap sebagai 'bandar taman' pertama yang dibangunkan oleh Kumpulan, berdasarkan konsep reka bentuk yang menyepadukan ciri-ciri mirip Tanah Melayu lama. Projek ini dipromosikan di pasaran dengan gelaran



Desa Damansara Condominium, Bukit Damansara





Impian Morib Hotel, Morib



Seri Beringin, Bukit Damansara

Tengku Ampuan Rahimah Hospital and a hypermarket. PKB contributed 32.4 percent of the Group's revenue for the fiscal year 2006, with 698 number of units sold for a total sales value of RM146.5 million.

Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan (SPPK)

SPPK is known for its quality development projects, which are Alam Damai in Cheras, Alam Sutera in Bukit Jalil and Seri Beringin in Kuala Lumpur.

The 638-acre Alam Damai is the most established of SPPK's projects, launched in 1998 with a total target of about 4,695 units of houses and a GDV of over RM1.0 billion. To-date, 2,591 units with a GDV of RM635.0 million have been achieved. In May 2006, Alam Damai launched 27 units of double-storey semi-detached houses to good response from the public. With the last batch of double-storey terraced houses, totalling 88 units, launched in August and September 2006, SPPK will now be focusing on building condominiums, shop offices and apartments in Alam Damai.

With a total land area of 72 acres and 700 units planned, Alam Sutera is a much smaller project. Launched in 2005, the entire development should be completed by 2010. The more exclusive 41.2 acre Seri Beringin project in the upmarket area of Bukit Damansara, Kuala Lumpur, was also launched in 2005. All double-storey semi-detached houses put on the market in this project have been sold while two-thirds of the bungalow lots have been taken up. With a total of only 160 units planned, the development of Seri Beringin is expected to be completed by 2008.

For the fiscal year 2006, SPPK sold 226 number of units for a total sales value of RM156.59 million, contributing 24.6 percent of the Group's revenue.

I&P Alam Impian Sdn Bhd

Alam Impian, officially launched on 19 December 2006, is set to be the jewel in I&P's property portfolio. Promoted as a "Township of the Arts" (TOTA), this exciting new development will revolve around arts and cultural pursuits for its residents. The 1,235-acre township in Shah Alam, Selangor, will eventually have a total of 10,623 units of houses with a GDV of RM3.4 billion. When fully completed, it will have a population of about 60,000 people. The township will have excellent accessibility with the completion of the Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA) Expressway that will connect it directly to the Kesas Highway as well as the Federal Highway.

"*The New Straits Settlements in Klang*". Kelebihan projek ini termasuk laluan melalui Lebuhraya Kesas dan jalan pesisir Klang-Banting serta berhampiran dengan Hospital Tengku Ampuan Rahimah dan sebuah pasaraya. PKB menyumbang 32.4 peratus daripada perolehan hasil Kumpulan bagi tahun fiskal 2006, dengan penjualan 698 unit bernilai RM146.5 juta.

Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan (SPPK)

SPPK terkenal dengan projek pembangunan berkualitinya, iaitu Alam Damai di Cheras, Alam Sutera di Bukit Jalil dan Seri Beringin di Kuala Lumpur.

Alam Damai seluas 638 ekar merupakan projek perdana SPPK yang dilancarkan pada 1998 dengan sasaran 4,695 unit rumah dan GDV melebihi RM1.0 bilion. Setakat ini, sebanyak 2,591 unit bernilai GDV RM635.0 juta telah tercapai. Pada Mei 2006, Alam Damai melancarkan 27 unit rumah berkembar dua tingkat yang telah mendapat sambutan menggalakkan. Berikutan pelancaran 88 unit rumah teres dua tingkat pada Ogos dan September 2006, SPPK kini akan memberi tumpuan kepada pembinaan kondominium, pejabat kedai dan gangsapuri di Alam Damai.

Alam Sutera merupakan projek yang lebih kecil dengan keluasan 72 ekar dan perancangan 700 unit rumah. Projek ini dilancarkan pada 2005 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2010. Projek lebih eksklusif, Seri Beringin, seluas 41.2 ekar di kawasan unggul Bukit Damansara, Kuala Lumpur, juga dilancarkan pada 2005. Kesemua rumah berkembar dua tingkat yang ditawarkan dalam projek ini telah habis sementara dua pertiga daripada lot banglo telah terjual. Berdasarkan jumlah 160 unit yang dirancangan, pembangunan Seri Beringin dijangka siap menjelang 2008.

Bagi tahun fiskal 2006, SPPK telah menjual sejumlah 226 unit dengan nilai jualan RM156.59 juta, dan menyumbang 24.6 peratus daripada hasil Kumpulan.

I&P Alam Impian Sdn Bhd

Alam Impian yang diumpamakan sebagai "permata" dalam khazanah hartanah milik I&P telah dilancarkan dengan rasminya pada 19 Disember 1996 berlandaskan konsep "*Township of the Arts*" (TOTA), pembangunan yang membawa banyak perubahan ini akan menyediakan kemudahan dan aura kesenian dan kebudayaan bagi memenuhi cita rasa penduduknya. Perbandaran seluas 1,235 ekar di Shah Alam, Selangor, akan mempunyai sejumlah 10,623 unit rumah bernilai GDV RM3.4 bilion. Apabila siap sepenuhnya, jumlah penduduknya dijangka lebih kurang 60,000 orang. Apabila pembinaan Lebuhraya Kemuning-Shah

The take-up rate of the first phase of 74 double-storey semi-detached and 115 double-storey terraced houses has been encouraging. On 21 January 2007, another 68 units of double-storey semi-detached houses were launched. The number of units sold for the period 2006/2007 is 95 units with a total sales value of RM50.7 million. I&P Alam Impian contributed 12.0 percent of the Group's revenue.

I&P Properties (IPP)

Over the years, IPP has undertaken several significant projects. Of these, Ampang 971 in Kuala Lumpur has been completed whilst two projects, namely Desa Mutiara II in Penang and Taman Inderawasih II, are due for completion in 2007. IPP's much larger projects are both in Negeri Sembilan – Desa Pinggiran Bayu, comprising 3,301 units on 612 acres, and Bayu Lakehomes, consisting of 2,221 units on 772 acres. In Kuala Lumpur, the well-located Taman Setiawangsa launched its last phase of double-storey terraced houses, Tiara, to overwhelming public response. The 257-acre project is due for completion in 2008.

IPP sold 192 number of units for a total sales value of RM74.1 million, and contributed 16.9 percent of the Group's revenue in the fiscal year under review.

I&P Seriemas (IPS)

Situated in Nilai, Negeri Sembilan, Kota Seriemas covers 2,400 acres, with eight link lakes that add to the 'country living' ambience of the township. Its first units were launched in 2000 and since then, there have been several launches over the years, with the most recent being the Marrakech Lake View Twin Villas launched during the last fiscal year. When fully completed in 2020, Kota Seriemas will have approximately 12,000 units of homes.

IPS, with total sales value of RM14.04 million contributed 13.3 percent of the Group's revenue in the 2006 fiscal year.

managing our rental assets

One of our business strategies is to earn rental income from various property assets. These include TESCO hypermarket in Saujana Impian (Kajang); Puteri Nursing College in Kota Seriemas; Desa Damansara luxury condominiums; Plaza Damansara; Setia 1; Impian Morib Hotel and Bangunan SPPK.

Alam (LKSA) siap, perbandaran ini akan mempunyai laluan mudah yang menghubungkannya langsung ke Lebuhraya Persekutuan dan Lebuhraya Kesas. Fasa pertama yang terdiri daripada 74 unit rumah berkembar dua tingkat dan 115 unit rumah teres dua tingkat telah mendapat sambutan menggalakkan. Pada 21 Januari 2007, 68 unit lagi rumah berkembar dua tingkat dilancarkan. Jumlah unit terjual bagi tempoh 2006/2007 adalah 95 unit dengan nilai jualan RM50.7 juta. I&P Alam Impian menyumbang 12.0 peratus daripada hasil Kumpulan.

I&P Properties (IPP)

IPP telah melaksanakan beberapa projek penting, antaranya Ampang 971 di Kuala Lumpur yang telah siap sepenuhnya dan dua lagi projek, iaitu Desa Mutiara II di Pulau Pinang dan Taman Inderawasih II, yang dijangka siap pada 2007. Dua projek IPP yang lebih besar terletak di Negeri Sembilan – Desa Pinggiran Bayu, seluas 612 ekar dengan 3,301 unit rumah, dan Bayu Lakehomes, seluas 772 ekar dengan 2,221 unit rumah. Di Kuala Lumpur, Taman Setiawangsa yang terletak di lokasi unggul, telah melancarkan fasa akhir rumah teres dua tingkat Tiara, dan mendapat sambutan hebat luar jangkaan. Projek seluas 257 ekar ini dijangka siap pada 2008.

IPP menjual sejumlah 192 unit rumah dengan nilai jualan RM74.1 juta, dan menyumbang 16.9 peratus daripada hasil Kumpulan dalam tahun fiskal 2006.

I&P Seriemas (IPS)

Terletak di Nilai, Negeri Sembilan, Kota Seriemas seluas 2,400 ekar dilakari lapan buah tasik yang saling berhubungan dan menghidupkan kedamaian suasana 'kehidupan desa' di perbandaran ini. Fasa pertamanya dilancarkan pada tahun 2000 dan disusuli dengan beberapa pelancaran lain, yang terbarunya ialah *Marrakech Lake View Twin Villas* yang dilancarkan dalam tahun fiskal 2005. Apabila siap sepenuhnya menjelang 2020, Kota Seriemas akan mempunyai lebih kurang 12,000 unit rumah.

IPS, dengan jumlah nilai jualan RM14.04 juta menyumbang 13.3 peratus daripada hasil Kumpulan bagi tahun fiskal 2006.

mengurus aset sewaan

Salah satu daripada strategi perniagaan kami ialah menghasilkan pendapatan sewaan daripada pelbagai aset hartanah kami. Ini termasuk Pasaraya TESCO di Saujana Impian (Kajang);

For the fiscal year under review, these assets have brought in revenue amounting to RM8.4 million. Our recurrent income base is expected to expand when a gated community of bungalows and semi-detached houses in our Seri Beringin, Kuala Lumpur, project is ready for rental in September 2007.

maintaining quality and ensuring safety

As a reputable property developer, we have always aimed at maintaining quality and ensuring safety in our work processes and procedures through internationally recognised certification programmes. During the fiscal year under review, ISO reassessment audits were undertaken by SIRIM-QAS Sdn Bhd on PKB (7-8 March 2006), SPPK (16-17 October 2006) and IPP (29 November, 3 and 4 December 2006). Having met the reassessment criteria for ISO 9001:2000, their certificates were renewed. IPS embarked on its certification journey on 17 April 2006 and an adequacy audit was conducted on 10 January 2007. IPS will be ready for a compliance audit in April 2007.

Safety audits were conducted at selected phases of projects undertaken by the Group as well as at office premises. These audits aimed to assess adherence to health and safety requirements under the Occupational Safety and Health Act 1994, Factories and Machinery Act 1967 and other relevant authorities. The safety compliance was found to be good. Mock drills were held, including at I&P's nursery to ensure that the assistants and aides would be able to handle the safety of infants during emergencies. To enhance their knowledge and enable them to respond adequately, training on occupational safety and health was also organised for employees at PKB, SPPK, IPP and IPS.

In compliance to the GLC Transformation Initiative 10, the Group has appointed Internal Project Champions responsible for implementing continuous improvements projects in core activities of the business. The Project Champions have attended 2 workshops organised by the Transformation Management office to assist the Group in identifying Business Plan Deliverables to achieve the Group's business objectives.

Kolej Kejururawatan Puteri di Kota Seriemas; kondominium mewah Desa Damansara; Plaza Damansara; Setia 1; Hotel Impian Morib dan Bangunan SPPK. Bagi tahun fiskal 2006, aset-aset ini telah menjana hasil pendapatan sejumlah RM8.4 juta. Asas pendapatan berulang kami dijangka meningkat apabila unit banglo dan rumah berkembar di pembangunan berpagar Seri Beringin, Kuala Lumpur, siap untuk disewa pada September 2007.

memastikan kualiti dan keselamatan

Sebagai syarikat pemaju hartanah yang tersohor, kami sentiasa mengutamakan dan memastikan tahap kualiti dan keselamatan dalam semua proses dan prosedur kerja dengan mengikuti program pensijilan yang diperakui peringkat antarabangsa. Dalam tempoh tahun fiskal 2006, audit penilaian semula ISO telah dilaksanakan oleh SIRIM-QAS Sdn Bhd ke atas PKB (7-8 Mac 2006), SPPK (16-17 Oktober 2006) dan IPP (29 November, 3 – 4 Disember 2006). Setelah menepati kriteria penilaian semula ISO 9001:2000, sijil-sijil berkenaan telah diperbaharui. IPS memulakan program pensijilan pada 17 April 2006 dan audit kecukupan dilaksanakan pada 10 Januari 2007. IPS akan bersiap sedia menjalani audit pematuhan pada April 2007.

Audit keselamatan telah dilaksanakan pada fasa-fasa tertentu bagi projek-projek yang dikendalikan oleh Kumpulan, termasuk premis pejabat. Audit ini bertujuan menilai tahap pematuhan keperluan kesihatan dan keselamatan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kilang dan Kejuruteraan 1967 dan peraturan pihak-pihak berkuasa lain. Tahap pematuhan keselamatan didapati baik. Latihan kecemasan juga telah dijalankan, termasuk di Pusat Asuhan I&P bagi memastikan petugas-petugas mampu menguruskan keselamatan anak-anak dalam keadaan berlakunya kecemasan. Bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan membolehkan mereka bertindak balas sebaik mungkin, latihan mengenai keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan juga telah dianjurkan untuk kakitangan PKB, SPPK, IPP dan IPS.

Selaras dengan saranan yang digariskan dalam Program Transformasi GLC, Kumpulan telah melantik satu kumpulan Wira Projek Dalaman yang bertanggungjawab bagi memastikan projek penambahbaikan dalam aktiviti perniagaan teras dilaksanakan secara berterusan. Kumpulan Wira Projek ini telah menghadiri 2 bengkel anjuran pejabat *Transformation Management* bagi membantu mengenal pasti inisiatif - inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif perniagaan Kumpulan.

looking ahead

The property market will continue to be competitive in 2007, with a slower take-up rate for products below RM500,000, depending on location, and greater demand for those in the high-end range. In the Klang Valley, buyers will be looking for creative designs and quality workmanship while in other areas, they will prefer larger homes at lower prices. Construction and other costs are expected to escalate further in the coming fiscal year.

I&P currently occupies the third position in The Edge's Top Property Developers' Awards. To retain or improve on that standing, we will focus on building the I&P brand and maintaining high visibility in the market. We will offer products that will meet international standards in order to attract Malaysian buyers as well as those intending to participate in the 'Malaysia, My Second Home' programme. We will add value to our products through enhancing the environments of our townships and projects. We will also be aiming to introduce innovative concepts to differentiate our products from those of our competitors.

With more phases to be launched in our current developments in the next fiscal year as well as new projects planned in areas such as Morib, we are on track to leverage on our holistic approach to property development and capitalise on our reputation as a reliable and caring developer.

maju ke hadapan

Pasaran hartanah akan terus menghadapi persaingan pada 2007, dengan jangkaan sambutan yang agak lembap bagi produk berharga RM500,000 ke bawah, tertakluk kepada lokasi dan permintaan terhadap produk bernilai tinggi. Di Lembah Klang, para pembeli akan memilih reka bentuk kreatif dan kualiti, di kawasan-kawasan lain mereka lebih berminat rumah lebih besar pada harga lebih rendah. Kos pembinaan dan lain-lain dijangka meningkat lagi pada tahun fiskal akan datang.

Kini I&P menduduki tangga ketiga dalam penyenaiaan Anugerah Pemaju Hartanah Terbaik oleh majalah The Edge. Bagi tujuan mengekalkan atau meningkatkan lagi taraf kedudukan ini, kami akan memfokus kepada usaha menonjolkan jenama I&P supaya lebih terserlah di pasaran. Kami akan menawarkan produk yang menepati piawaian antarabangsa bagi menarik minat pembeli Malaysia dan rakyat asing yang berhasrat menyertai program 'Malaysia, My Second Home'. Kami juga akan menambah nilai produk melalui inisiatif melestarikan sekitaran dan kemudahan perbandaran dan projek Kumpulan. Kami juga akan memperkenalkan konsep inovatif bagi membezakan rangkaian produk daripada produk pesaing-pesaing.

Dengan banyak lagi fasa pembinaan dalam pelan pembangunan semasa yang akan dilancarkan pada tahun fiskal akan datang, juga bagi projek-projek baru seperti di Morib, kami yakin dapat memanfaatkan pendekatan holistik terhadap pembangunan hartanah dan reputasi kami untuk memantapkan kesohorannya sebagai syarikat pemaju yang prihatin serta dipercayai.





Kota Seriemas, Nilai





Kuala Langat Administrative Centre

Corporate Social Responsibility

In today's business world, it is no longer sufficient to be just a producer of goods or provider of services. People now are more aware and informed of the impact of businesses on their lives, and they demand that these businesses exercise a level of care and responsibility towards the communities in which they operate. A business that does not take such sentiments into consideration will not be relevant in the future.

The I&P Group has been in existence for more than four decades, always mindful that we have been around for this long due to the support we receive from our stakeholders, particularly the thousands of Malaysians who buy the houses we build. And the trust that these buyers have in our products is a reflection of how well we have been discharging one of our core responsibilities towards the community, as spelt out in our corporate mission – to provide homes of good value and quality through innovation, continuous improvement, timely delivery and concern for the environment and our customers' needs.

Our contribution to national economic development is straight-forward. We open undeveloped spaces and turn these into thriving townships and communities. As a responsible corporate entity, we go the extra mile by providing our projects everything that is needed for the people living in the various communities. These include schools, community halls, security, commercial dwellings, parks, lakes, jogging tracks and a host of amenities and recreational facilities. We continue to upgrade existing projects, such as the beautification of a park at Taman Bunga Raya, I&P's first project, and the building of an 18-hole golf course for residents of Bandar Kinrara. We also provide police stations or beat bases and there are suraus and mosques in all our developments. During the 2006 financial year, we were privileged when DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah, the Sultan of Selangor, officially launched our mosque in Bandar Kinrara. Built at a cost of RM4.3 million, the mosque can accommodate about 2,500 people.

The provision of recreational facilities, such as parks, open plazas, walk-paths and par courses, is in line with the government's call for Malaysians to lead a more healthy life through participation in physical and community activities. Alam Damai residents, for example, are able to enjoy the township's 30-acre parkland, which comprises

Tanggungjawab Sosial Korporat

Dalam dunia perniagaan hari ini, sekadar menghasilkan barangan atau menyediakan perkhidmatan adalah tidak memadai. Masyarakat kini lebih maklum dan menyedari impak perniagaan ke atas diri mereka, justeru menuntut syarikat-syarikat perniagaan menunjukkan keprihatinan dan tanggungjawab terhadap komuniti-komuniti di mana mereka beroperasi.

Kumpulan I&P telah wujud sejak lebih empat dekad yang lalu dan dengan sokongan setia pihak-pihak berkepentingan inilah, terutamanya ribuan pembeli rakyat Malaysia, kami dapat bertahan sehingga hari ini. Keyakinan para pembeli terhadap hartanah I&P juga mencerminkan tanggungjawab kami kepada masyarakat, seperti yang terpahat dalam misi korporat Kumpulan – untuk menjadi pemaju terunggul yang menyediakan kediaman bernilai dan berkualiti tinggi melalui inovasi, peningkatan berterusan, penyerahan yang menepati masa dan keprihatinan terhadap persekitaran serta keperluan pelanggan.

Sumbangan kami terhadap pembangunan ekonomi negara adalah secara langsung, iaitu dengan memajukan tanah-tanah yang belum diusahakan dan membangunkannya menjadi sebuah komuniti dan perbandaran yang berkembang maju. Sebagai sebuah entiti korporat yang bertanggungjawab, kami juga melengkapkan projek-projek tersebut dengan kemudahan yang diperlukan oleh komuniti. Antara kemudahan ini termasuk sekolah, dewan serba guna, khidmat keselamatan, rumah kedai, taman, tasik, laluan pejalan kaki dan berbagai lagi. Kami menyenggara dan meningkatkan projek sedia ada seperti kerja penambahbaikan dan pengindahan semula taman di Taman Bunga Raya, projek pertama I&P, pembinaan padang golf 18-lubang di Bandar Kinrara. Selain itu, kami juga menyediakan balai atau pondok polis, dan di semua projek pembinaan terdapat surau dan masjid. Pada tahun kewangan 2006, kami amat bertuah kerana DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah, Sultan Selangor, merasmikan pembukaan masjid di Bandar Kinrara. Pembinaan masjid ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM4.3 juta dan boleh menempatkan lebih kurang 2,500 orang jemaah.

Penyediaan kemudahan rekreasi seperti taman, plaza, jejak jogging dan laman senaman adalah selaras dengan seruan kerajaan supaya rakyat Malaysia mengamalkan cara hidup sihat dengan melibatkan diri dalam aktiviti fizikal dan kemasyarakatan. Contohnya, penduduk Alam Damai kini dapat menikmati kemudahan laman rekreasi seluas 30 ekar yang terdiri daripada tiga taman berbeza, sementara penduduk

three different parks, while those in Kota Seriemas have the benefit of eight linked lakes and parks. People living in Bayu Lakehomes are not left out, with a park in their midst in which to do their morning jogs or evening exercises. We take this concern for health further through our support for organised sports, specifically in cricket and lawn bowling. Persatuan Kriket Melayu Kebangsaan and the Malaysian Lawn Bowls Association have benefited from our sponsorship of their events and we have even built an international-standard cricket pitch in Bandar Kinrara.

Other than sporting activities, we strongly believe that education is critical not only in realising the potential of individuals but also in the advancement of a nation. Unfortunately, due to financial reasons, there are very many children of low-income families who are not able to fully develop their capabilities. This represents a waste of talent for Malaysia as a whole. To help improve the educational performance of such children, the I&P Group is one of 17 government-linked companies (GLCs) participating in PINTAR, a programme led by the Putrajaya Committee on GLC High Performance. Through this programme, we have adopted two primary schools namely Sekolah Kebangsaan Sungai Nibong and Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor, both of which are in Penang. So far, books have been purchased for both schools and financial assistance has been extended towards paying for the school fees of students from low-income families as well as for other planned programmes. In the long run, we aim to raise these children's motivation to learn through tailored initiatives and to provide them with the required amenities and teaching resources.

Another of our educational projects was the 'Didik IT' programme, through which staff members from I&P's Information Systems Division taught basic computer knowledge to children living in selected areas. However, while greater access to computers and increased use of technology have helped to broaden the perspectives of such children, these forces have also led to a loss of the reading habit amongst many of them. Concerned about the need to inculcate the reading habit in schoolchildren, we also initiated a reading campaign called DEAR or 'Drop Everything and Read'. The campaign, which aimed to improve the level of reading in the English Language, was undertaken in three secondary schools in Bandar Kinrara. The children of our employees have not been forgotten in our educational programmes as those who excel in national-level examinations are appropriately rewarded.

Kota Seriemas dapat menikmati kemudahan lapan tasik dan taman yang berhubungan antara satu dengan lain. Penduduk di di Bayu Lakehomes juga tidak ketinggalan dan berpeluang berjoging dan melakukan aktiviti riadah di taman yang disediakan. Keprihatinan kami tentang kesihatan juga melibatkan sokongan kepada sukan berpersatuan terutamanya kriket dan boling padang. Persatuan Kriket Melayu Kebangsaan dan Persatuan Boling Padang Malaysia telah mendapat manfaat daripada penganjuran acara mereka dan kami juga telah menyiapkan padang kriket bertaraf antarabangsa di Bandar Kinrara.

Selain aktiviti sukan, kami juga berkeyakinan penuh bahawa pendidikan adalah kritikal bukan sahaja dalam merealisasikan potensi individu tetapi juga dalam kemajuan sesebuah negara. Malangnya atas sebab kesulitan kewangan, ramai anak-anak dari keluarga berpendapatan rendah tidak berpeluang mengembangkan keupayaan mereka. Kelemahan ini merupakan pembaziran bakat kepada Malaysia. Bagit membantu pertingkatkan taraf pendidikan golongan anak-anak ini, Kumpulan I&P merupakan antara 17 syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang turut serta dalam program PINTAR yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Putrajaya mengenai Prestasi Tinggi GLC. Melalui program ini kami telah mengambil dua sekolah rendah sebagai sekolah angkat, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Nibong dan Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor, kedua-duanya di Pulau Pinang Setakat ini kami telah membeli koleksi buku untuk kedua buah sekolah ini dan menghulurkan bantuan kewangan bagi pembayaran yuran sekolah untuk pelajar-pelajar dari keluarga pendapatan rendah, serta untuk program lain. Pada jangka panjang, bantuan ini bertujuan meningkatkan motivasi anak-anak ini untuk belajar mengikut program yang diatitkan khusus untuk mereka. Mereka juga akan disediakan kemudahan dan sumber pengajaran yang diperlukan.

Satu lagi projek pendidikan kami ialah program 'Didik IT', yang melibatkan kakitangan I&P daripada Bahagian Sistem Maklumat. Kanak-kanak dari kawasan-kawasan pilihan diajar pengetahuan asas komputer oleh mereka. Walaupun pendedahan kepada komputer dan peningkatan penggunaan teknologi banyak membantu meluaskan minda kanak-kanak ini, ianya juga telah mengakibatkan mereka kurang berminat untuk membaca. Atas kebimbangan ini, kami juga telah memulakan kempen untuk memupuk tabiat membaca di kalangan kanak-kanak sekolah yang digelar DEAR iaitu ringkasan bagi 'Drop Everything and Read'. Kempen yang bertujuan meningkatkan tahap pembacaan dalam bahasa Inggeris dimulakan di tiga sekolah menengah di Bandar Kinrara. Anak-anak kakitangan juga tidak dilupakan dalam program pendidikan kami. Mereka yang cemerlang dengan

A socially responsible corporate citizen should also be a caring employer. We appreciate the difficulties faced by some of our employees who are unable to make suitable arrangements for the care of their very young children. Therefore, 13 years ago, we established the I&P Nursery, a fully staffed day-care centre modelled on the Montessori method of participatory learning. There are currently 53 infants and toddlers being taken care of at the Nursery. They are provided with meals, taken on educational trips to places such as Aquaria KLCC, and treated with celebrations such as Sports Day and Graduation Day. As for I&P's employees, their training continues to be high on our corporate agenda, with programmes that include the Leadership Development Programme for senior management, Executive Development Programme for those at executive level and Employee Development Programme for other staff. In addition, senior management staff undergo crisis communications training.

In addition, we have also extended assistance to the underprivileged through charitable organisations, such as Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Malaysian Medical Relief Society (MERCY) and Persatuan Orang Cacat Malaysia, as well as to disaster relief efforts, including the recent Johor Floods Fund. In our 'Jalan-Jalan Bersama I&P' initiative, children from selected orphanages were taken on trips and presented with money, clothing, food and other items that were donated by staff members. This was one effort by which both our organisation as well as individual employees had the opportunity to help those in need.

So much more, of course, needs to be done to alleviate the plight of the underprivileged and improve living standards in general. The government is giving this much emphasis in the Ninth Malaysia Plan but corporations have started to recognise that they also have an obligation to play their part. At I&P, we have always believed in integrating our social responsibilities into the way we manage our business and operations.

peperiksaan peringkat kebangsaan dan program pendidikan kami juga telah didiberi ganjaran.

Warga korporat yang bertanggungjawab kepada masyarakat adalah sinonim dengan majikan yang prihatin. Kami memahami masalah yang dihadapi oleh kakitangan yang tidak berupaya mencari penyelesaian sesuai untuk penjagaan anak-anak mereka. Menghargai pengorbanan mereka. Bagi mengatasi masalah dan menghargai pengorbanan mereka, kami telah menubuhkan Pusat Asuhan I&P semenjak 13 tahun yang lalu. Pusat jagaan harian sepenuh masa ini diuruskan mengikut kaedah pembelajaran interaktif Montessori. Setakat ini terdapat 53 bayi dan kanak-kanak berumur bawah enam tahun yang diletakkan di bawah jagaan Pusat ini. Mereka disediakan makanan, dibawa melawat sambil belajar ke tempat-tempat seperti Aquaria KLCC, dan diraikan pada Hari Sukan dan Hari Penyampaian Hadiah. Bagi kakitangan I&P, latihan pembangunan insan menjadi agenda korporat utama kami. Antara program yang dianjurkan secara berterusan ialah termasuk Program Pembangunan Kepimpinan untuk pengurusan kanan, Program Ombangunan Eksekutif bagi kakitangan peringkat eksekutif dan Program Pembangunan Kakitangan bagi kumpulan kakitangan lain. Pengurusan kanan juga menjalani latihan komunikasi krisis.

Selain itu, kami juga menghulurkan bantuan kepada golongan kurang bernasib baik melalui badan-badan kebajikan seperti Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Malaysia Medical Relief Society (MERCY) dan Persatuan Orang Cacat Malaysia, juga untuk usaha bantuan bencana termasuk Dana Banjir Johor. Dalam inisiatif 'Jalan-Jalan Bersama I&P', kanak-kanak daripada rumah anak yatim tertentu dibawa berjalan-jalan dan diberi wang serta hamper berupa pakaian, makanan dan lain-lain buah tangan yang disumbangkan oleh kakitangan. Inilah satu peluang syarikat dan kakitangan menggembleng usaha untuk membantu mereka yang memerlukan.

Hakikatnya, banyak lagi bantuan yang diperlukan untuk meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik dan sekali gus meningkatkan taraf kehidupan mereka. Perkara ini diberi penekanan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan syarikat-syarikat perniagaan juga memahami tanggungjawab mereka. Di I&P, kami sentiasa menyepadukan tanggungjawab sosial dalam pengurusan perniagaan dan operasi kami.



1971
The New Economic Policy, entitled
Bumiputras discount incentives in
the purchase of real estate.
Di bawah Dasar Ekonomi Baru,
Bumiputra diberi diskaun insentif
dalam pembelian hartanah.



an open channel of communication provides a constant flow of ideas



Saluran komunikasi yang terbuka memudahkan percambahan idea. Kemajuan dari sudut manapun berpunca daripada gerak fikir kreatif. Daya kreatif pula lahir daripada idea-idea yang tercetus dalam sekitaran yang menggalakkan komunikasi. Bagi negara dan I&P, komunikasi terbuka adalah penting untuk melonjakkan kita ke tahap seterusnya.

Progress in any sphere depends on the creative impulse. Creativity comes from ideas, and ideas are generated in an environment that encourages communication. For the nation and I&P, open communication is essential to get to the next level.



1980
I&P moved its headquarters to Kuala Lumpur. I&P memindahkan ibu pejabatnya ke Kuala Lumpur.

1981
I&P began its first property development project in Klang Valley with Taman Setiawangsa and Bandar Kinrara. I&P memulakan projek pembangunan hartanah yang pertamanya di Lembah Klang dengan Taman Setiawangsa dan Bandar Kinrara.



corporate information
maklumat korporat

incorporation

incorporated in Malaysia

secretaries and registrars

azlina baharom

auditors

Messrs KPMG

registered office . share registrar

24-31, Jalan Setiawangsa 8
Taman Setiawangsa
54200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel. 603 4259 7600

Fax 603 4259 7500

bank

Malayan Banking Berhad
OCBC Bank (Malaysia) Berhad
RHB Bank Berhad
CIMB Bank Berhad
Bank Muamalat Malaysia Berhad

perbadanan

diperbadankan di Malaysia

setiausaha dan pendaftar

azlina baharom

juruaudit

Messrs KPMG

pejabat berdaftar . pendaftar saham

24-31, Jalan Setiawangsa 8
Taman Setiawangsa
54200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel. 603 4259 7600

Fax 603 4259 7500

senarai bank

Malayan Banking Berhad
OCBC Bank (Malaysia) Berhad
RHB Bank Berhad
CIMB Bank Berhad
Bank Muamalat Malaysia Berhad



corporate structure
struktur korporat

fully owned
di miliki sepenuhnya

Island & Peninsular Securities Sdn Bhd 100%
 Peninsular Land Development Sdn Bhd 100%
 I&P Properties & Construction Berhad 100%
 I&P Inderawasih Jaya Sdn Bhd 100%
 I&P Setiawangsa Sdn Bhd 100%
 I&P Supply Berhad 100%
 I&P Development Sdn Bhd 100%
 I&P Menara Sendirian Berhad 100%
 I&P Nibong Sdn Bhd 100%
 I&P Jawi Sendirian Berhad 100%
 I&P Harta Sdn Bhd 100%
 I&P Landscaping Sdn Bhd 100%
 I&P Urusprojek Sdn Bhd 100%
 I&P Permodalan Harta Sdn Bhd 100%
 Perumahan I&P Sdn Berhad 100%
 Premier Pavilion Sdn Bhd 100%

not fully owned
tidak di miliki sepenuhnya

Perumahan Kinrara Berhad 51%
 I&P Seriemas Sdn Bhd 60%
 Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn Bhd 70.09%
 I&P Mutiara Sdn Bhd 97.71%
 I&P Alam Impian Sdn Bhd 99%

jointly owned
di miliki bersama

I&P Kota Bayuemas Sdn Bhd 51.9% I&P
 Kinrara Golf Club Sdn Bhd 51% I&P 51% PKB
 Kinrara Cycles Sdn Bhd 51% I&P
 Kinrara Urusharta Sdn Bhd 51% I&P
 I&P Morib Sdn Bhd 42% I&P
 Plaza Damansara Sdn Bhd 70.09% I&P
 Bukit Setia Sdn Bhd 70.09% I&P
 Paduan Rasmi Sdn Bhd 100%



corporate directory
panduan korporat

location lokasi	address alamat	telephone and facsimile telefon dan faks
Main Office Ibu pejabat		
Island & Peninsular Berhad	24-31, Jalan Setiawangsa 8 Taman Setiawangsa 54200 Kuala Lumpur	T 03 4259 7600 F 03 4259 7500
Subsidiaries Subsidiari		
Perumahan Kinrara Berhad	33,35 & 37 Jalan BK5A/2, Bandar Kinrara 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan	T 03 8073 7100 F 03 8073 7028
Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn Bhd	Bangunan SPPK 46 Jalan Dungun Damansara Heights Peti Surat 12497 50780 Kuala Lumpur	T 03 2094 3888 F 03 2095 3448
I & P Seriemas Sdn Bhd	Group Property Marketing Centre (PROMAC) Saujana Impian Resort Business Park, Persiaran Impian Perdana, Saujana Impian, 43000 Kajang	T 03 8739 9339 F 03 8739 3922
I & P Alam Impian Sdn Bhd	Galeri Hartanah I & P Ground Floor Wisma Consplant 1 No 2 Jalan SS16/4 47500 Subang Jaya Selangor Darul Ehsan	T 03 5632 7600 F 03 5632 1600
I & P Morib Sdn Bhd I & P Permodalan Harta Sdn Bhd	3rd Floor, Sri Impian Building 24-31, Jalan Setiawangsa 8 Taman Setiawangsa 54200 Kuala Lumpur	T 03 4259 7573 F 03 4259 7474

